

Fakta
nombor

RM600 JUTA

peruntukan subsidi bagi
minyak masak pada 2016

RM2.50
SEKILOGRAM

harga minyak masak
paket satu kilogram



KEPADA PELANGGAN YANG DIHORMATI
TERHAD 2 UNIT MINYAK MASAK UNTUK
SETIAP PEMBELIAN

"TERIMA KASIH"

MYDIN

Harga minyak masak dalam botol akan naik mulai 1 November ini.

Harga minyak masak botol naik mulai 1 November

BH
27/10/16
ms-16

Info

Harga minyak masak sawit tulen
(anggaran minimum berdasarkan
harga olien paras stabil RM2,900 satu tan)



Harga subsidi		Tanpa subsidi
■ 1 kg	RM3.60	RM3.70
■ 2 kg	RM7.20	RM7.40
■ 3 kg	RM10.35	RM11.10
■ 5 kg	RM14.70	RM18.50
■ Paket plastik	RM2.50	RM2.50 (kekal)

➔ Langkah rasionalisasi subsidi
elak kerajaan bayar kos tambahan

Oleh Zanariah
Abd Mutalib
zanariah_muta-
lib@bh.com.my

Putrajaya

Bermula 1 November ini, harga minyak masak botol akan naik kepada RM3.70 hingga RM3.90 sekilogram (kg) berdasarkan harga pasaran selepas langkah rasionalisasi subsidi bahan itu yang diumumkan kerajaan, semalam.

Kenaikan itu selepas mengambil kira harga minyak sawit diproses atau olein yang stabil pada RM2,900 satu tan (RM2.90

ngan berpendapatan rendah.

Elak kos tambahan

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata langkah penstrukturan semula Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) bagi mengelakkan kerajaan membayar kos subsidi tambahan sehingga RM100 juta sebulan berikutan kenaikan olien.

Katanya, pada Januari tahun lalu, harga olien pada kadar RM2,341 satu tan, namun pada September lalu, ia mencecah sehingga RM3,000, peningkatan lebih RM600 bagi setiap tan.

supaya dapat digunakan oleh kumpulan sasar, manakala bagi pek lain akan mengikut harga pasaran," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mesyuarat Kabinet pada 21 September lalu bersetuju supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengambil alih pengurusan COSS daripada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi bermula 1 November ini.

Hamzah berkata, apabila konsep pasaran terbuka itu dilaksanakan, peniaga masing-masing akan bersaing.

akan stabil dalam masa beberapa bulan akan datang.

Selain itu katanya, langkah rasionalisasi berkenaan juga diharapkan mampu mengekang kegiatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu yang menjual barang bersubsidi itu kepada warga negara jiran berikutan harga barang itu yang dijual lebih mahal di negara berkenaan, iaitu lebih RM4 per kg.

"Ada cerita mengatakan minyak masak ini selalunya dibawa keluar pada waktu tengah malam di sempadan. Kita akan tempatkan penguat kuasa di kawasan tertentu bagi mengekang aktiviti ini," katanya.

satu kg) yang dikeluarkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) selain kos pembungkusan, peruncitan serta keuntungan antara 80 sen ke RM1.

Ketika ini, harga pasaran minyak masak sawit tulen oleh MPOB adalah RM3.30 per kg, manakala minyak masak sawit campuran adalah RM3.60 per kg.

Bagaimanapun, harga minyak masak paket satu kg kekal RM2.50, bagi menjamin kebajikan golo-

“Dengan kuota pengeluaran minyak sawit dalam negara sebanyak 85,000 tan sebulan, ia akan membabitkan kos subsidi yang lebih besar dan kita akan terpaksa mengambil pendapatan kerajaan yang diperuntukkan untuk projek pembangunan dan perkara lain (bagi menampung kos itu).

“Justeru, kerajaan bersetuju untuk mengekalkan subsidi bagi minyak masak paket satu kg

Pilih harga paling berbaloi

“Jika harga kompetitif, orang akan memilih harga yang paling berbaloi dan *Friends of KPDNKK* akan memberitahu jenama mana yang paling berbaloi,” katanya.

Katanya, MPOB akan memantau harga minyak sawit dunia dan turun naik harga bahan itu akan menentukan harga pasaran minyak sawit di negara ini, selain menjangka harga olein

Mengenai kegiatan peniaga menyorokkan minyak masak untuk meraih keuntungan, Hamzah berkata, pihaknya menahan tiga peniaga kelmarin yang melakukan kesalahan itu di Selayang, Setapak dan Pulau Pinang dengan nilai rampasan berjumlah lebih RM5,000.



Untuk komen

e-mel ke bhnews.bh.com.my atau di laman Facebook BH Online